

**Keputusan Mahkamah Bukti Badan Kehakiman Negara Bebas - Rais Yatim
Bernama
January 9, 2012**

KUALA LUMPUR, 9 Jan (Bernama) -- Keputusan mahkamah berhubung kes liwat Datuk Seri Anwar Ibrahim menunjukkan badan kehakiman negara bebas dan mengeluarkan pendapat serta keputusan tanpa memilih bulu, kata Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan Datuk Seri Dr Rais Yatim.

"Pengkakiman sudah diputuskan...dengan itu sah badan kehakiman negara ini mempunyai reputasi dan pendirian yang boleh disetarafkan dengan keputusan kehakiman negara maju berasaskan kepada 'rule of law' atau keunggulan undang-undang," katanya kepada pemberita, di sini Isnin.

Mahkamah Tinggi hari ini melepas dan membebaskan Anwar daripada tuduhan meliwat bekas pembantunya, Mohd Saiful Bukhari Azlan.

Terdahulu dalam satu kenyataan, Rais berkata Malaysia memiliki badan kehakiman yang bebas dan keputusan tersebut membuktikan kerajaan tidak mempunyai pengaruh ke atas keputusan hakim.

Gelombang terkini dalam perubahan demokratik berani yang diperkenalkan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak itu akan membantu memperluaskan ketelusan dalam semua bidang kehidupan di Malaysia, katanya.

Rais memberitahu pemberita bahawa dengan keputusan itu juga, rakyat harus terus berpegang teguh kepada prinsip keluhuran undang-undang.

"Tiada siapapun berada di tahap lebih tinggi daripada undang-undang negara.

"Dan saya yakin dengan keputusan ini, pengikut dan penyokong Datuk Seri Anwar Ibrahim akan merasionalkan kedaulatan undang-undang negara yang tersisip dalam Rukun Negara," katanya.

Beliau berharap tidak akan ada lagi spekulasi atau gesaan yang boleh memecah-belahkan institusi atau elemen pentadbiran negara serta perpaduan di negara ini.

"Keputusan dan pendapat mahkamah yang mencerminkan keadilan wajar kita hormati.

"Saya sendiri amat bangga dengan badan kehakiman Malaysia yang menjalankan tugas tanpa memilih bulu," katanya.

Mengulas lanjut keputusan kes itu, Rais berkata suara keadilan telah diluahkan dan menggambarkan badan kehakiman Malaysia berada pada tahap tertinggi dalam memutuskan apa yang adil dan saksama.

"Lebih daripada itu, kita mesti sedar akan kepentingan bagi kita menghormati keputusan

undang-undang, pada masa yang sama memberi peluang untuk Gagasan 1Malaysia berkembang bagi membangunkan bangsa Malaysia yang kita perlukan," katanya.

Menjangkakan pelbagai pandangan, polemik serta kesimpulan yang bakal timbul, beliau berkata semua itu tidak harus dilayan.

"Mari kita maju ke depan dan tinggalkan semua ini sambil kita membangunkan 1Malaysia yang kita perlukan," katanya.

Rais berkata mereka yang mengalami perasaan kurang senang dan sebagainya harus melupakan perasaan tersebut dan membiarkan semangat 1Malaysia mengatasinya.

Menteri Belia dan Sukan Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek berkata keputusan itu juga secara tidak langsung menunjukkan kejayaan dalam transformasi diperkenalkan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak.

"Kalah atau menang Anwar juga tidak memberikan apa keuntungan kepada Barisan Nasional untuk memperoleh kejayaan dalam pilihan raya, kerana kes itu melibatkan dia dengan pembantunya (Mohd Saiful Bukhari)," katanya di sini.

Di KUANTAN, Timbalan Menteri Pelajaran Dr Mohd Puad Zarkashi berharap pihak pembangkang tidak lagi menuduh mahkamah di negara ini tidak telus dan adil dengan pembebasan Anwar daripada tuduhan meliwat bekas pembantu peribadinya.

Mohd Puad berkata keputusan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur itu jelas menunjukkan badan kehakiman negara bebas dan tidak berat sebelah malah memberikan keadilan buat seluruh rakyat.

"Kita terima keputusan mahkamah itu dan yakin mahkamah di Malaysia adil dan saya yakin pihak pembangkang sendiri terkejut dengan keputusan itu kerana selama ini mereka menuduh mahkamah tidak telus dan sebagainya," katanya selepas menyampaikan cek bantuan sekolah agama Pahang di sini.

Di MELAKA, Ketua Menteri Melaka Datuk Seri Mohd Ali Rustam berkata keputusan mahkamah itu membuktikan segala tuduhan pembangkang tentang kelemahan institusi kehakiman negara sama sekali tidak berasas.

Beliau melahirkan rasa kesal dengan insiden letupan yang berlaku berhampiran kompleks mahkamah di Jalan Duta.

"Kekacauan yang dicetuskan oleh pengikut pembangkang dengan melemparkan tiga bahan letupan adalah tindakan tidak bermoral... sepatutnya insiden tersebut tidak berlaku sehingga mengakibatkan kecederaan," katanya kepada pemberita selepas Perhimpunan Bulanan Mega Pentadbiran Negeri Melaka di sini, hari ini.

---BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=638844>